



**KENYATAAN MEDIA**  
**LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL),**  
**SUKU TAHUN PERTAMA 2024**

**Median upah bulanan sektor formal meningkat 9.4 peratus kepada RM2,844 pada Mac 2024.**

**PUTRAJAYA, 26 Julai 2024** – Menurut **Jabatan Perangkaan Malaysia** dalam **LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL) SUKU TAHUN PERTAMA 2024** yang dilaporkan hari ini, median upah bulanan sektor formal meningkat 9.4 peratus kepada RM2,844 pada Mac 2024, berbanding kadar pertumbuhan 8.5 peratus pada Februari dan 5.2 peratus pada Januari 2024. Median upah bulanan pada Mac ialah RM2,844, RM2,782 pada Februari dan RM2,945 pada Januari 2024.

Mengulas lanjut tentang penemuan berdasarkan data pentadbiran ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan peningkatan median upah bulanan menunjukkan landskap pasaran buruh yang lebih baik, sejajar dengan perkembangan ekonomi yang semakin meningkat pada suku pertama 2024. Bilangan pekerja warganegara Malaysia dalam sektor formal juga terus menunjukkan peningkatan tahun ke tahun dengan pertumbuhan sebanyak 1.5 peratus (peningkatan sebanyak 97.3 ribu) pada Mac 2024.

Melihat kepada perbandingan mengikut jantina, pekerja formal lelaki menyumbang 55.3 peratus (3.62 juta orang) daripada jumlah pekerja formal keseluruhan pada Mac 2024, menerima median upah bulanan sebanyak RM2,900. Sementara itu, pekerja formal perempuan yang merangkumi 44.7 peratus (2.92 juta orang) daripada jumlah pekerja formal keseluruhan memperoleh median upah bulanan sebanyak RM2,800 pada Mac 2024.

Seterusnya, Dato' Sri. Dr. Mohd Uzir Mahidin menerangkan trend upah tertentu merentasi kumpulan umur. Pekerja berumur 45 hingga 49 tahun menerima median upah bulanan tertinggi iaitu RM3,818 pada Mac 2024. Kumpulan umur ini juga menerima median upah bulanan tertinggi pada Februari 2024 (RM3,727) dan Januari 2024 (RM4,000). Tambahan pula, semua kumpulan umur kecuali mereka yang berumur di bawah 20 tahun mencatat kenaikan median upah bulanan berbanding tahun sebelumnya. Pada Mac 2024, pekerja berumur 65 tahun ke atas menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun tertinggi, manakala mereka yang berumur di bawah

20 tahun mengekalkan median upah bulanan terendah sebanyak RM1,500 sejak Jun 2022.

Mengulas statistik mengikut aktiviti ekonomi juga menunjukkan bahawa semua sektor mencatatkan peningkatan median upah bulanan pada ketiga-tiga bulan suku pertama 2024. Sektor Perlombongan & pengkuarian, yang hanya meliputi 0.6 peratus daripada keseluruhan pekerja formal, mencatatkan pertumbuhan median upah bulanan tahun ke tahun tertinggi sebanyak 12.0 peratus, mencapai RM8,400 pada Mac 2024. Sebaliknya, sektor Pertanian yang mewakili 1.9 peratus daripada pekerja formal, melaporkan median upah bulanan terendah iaitu RM2,000, menunjukkan peningkatan 5.3 peratus tahun ke tahun dalam tempoh yang sama.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah "Pada Mac 2024, dua negeri mengatasi median upah bulanan nasional iaitu RM2,844 dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan median upah bulanan tertinggi iaitu RM4,256 dan Selangor sebanyak RM3,164. Sebaliknya, Kelantan, Perlis dan Sabah menunjukkan median upah bulanan terendah dalam tempoh masa yang sama, masing-masing mencatatkan RM1,645, RM1,682 dan RM1,882."

Dari segi taburan upah, Ketua Perangkawan menyatakan bahawa 31.2 peratus pekerja formal di Malaysia menerima upah di bawah RM2,000 pada Mac 2024, mencatatkan penurunan sebanyak 3.6 mata peratus dari 34.8 peratus yang direkodkan pada Mac 2023. Tambahan lagi, analisis persentil menunjukkan bahawa persentil ke-10 pekerja formal warganegara Malaysia menerima upah bersamaan atau kurang daripada RM1,500. Walau bagaimanapun, kumpulan ini merekodkan peningkatan upah bulanan sebanyak 1.2 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (Mac 2023: RM1,482). Nisbah upah antara persentil ke-90 dan persentil ke-10 menunjukkan bahawa kumpulan 10 peratus penerima upah tertinggi menerima tujuh kali ganda upah berbanding kumpulan 10 peratus penerima upah terendah.

Mengakhiri kenyataannya pada keluaran hari ini, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, "Statistik ini adalah berasaskan sumber data pentadbiran daripada agensi yang berkaitan, memberi tumpuan kepada warganegara yang bekerja di sektor formal, khususnya di sektor swasta. Perantaian kehadapan, DOSM beriltizam untuk terus memperkuuh penyebaran statistik upah pekerja dengan mengintegrasikan pelbagai data pentadbiran untuk pengeluaran statistik yang lebih terperinci bagi pemahaman yang lebih mendalam tentang pasaran buruh yang dinamik di Malaysia."

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 JULAI 2024**

### Paparan 1: Median Upah Bulanan, Januari 2022 – Mac 2024




### Paparan 2: Median Upah Bulanan mengikut Jantina, Januari – Mac 2024



Median upah bulanan bagi **lelaki (RM2,900)** adalah lebih tinggi berbanding perempuan (RM2,800) pada Mac 2024.


### Paparan 3: Median Upah Bulanan mengikut Aktiviti Ekonomi, Januari – Mac 2024



Median upah bulanan paling tinggi pada Mac 2024 direkodkan dalam **sektor Perlombongan & pengkuarian (RM8,400)**, diikuti Pembinaan, Perkhidmatan, Pembuatan, dan Pertanian.

JANUARI FEBRUARI MAC


#### Paparan 4: Median Upah Bulanan mengikut Negeri, Januari – Mac 2024



Median upah bulanan tertinggi pada Mac 2024 direkodkan bagi W.P. Kuala Lumpur (RM4,256) diikuti Selangor and Pulau Pinang.

JANUARI FEBRUARI MAC

#### Paparan 5: Median Upah Bulanan mengikut Skala Gaji, Mac 2023 & Mac 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 JULAI 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **MEDIA STATEMENT**

### **EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT, FIRST QUARTER 2024**

***Median monthly wages of the formal sector surged by 9.4 per cent to RM2,844 in March 2024.***

**PUTRAJAYA, 26 July 2024** – According to the **Department of Statistics Malaysia in its EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT, FIRST QUARTER 2024** that was reported today, the median monthly wages of the formal sector surged by 9.4 per cent to RM2,844 in March 2024, compared to growth rates of 8.5 per cent in February and 5.2 per cent in January 2024. The median monthly wages was RM2,844 in March, RM2,782 in February, and RM2,945 in January 2024.

Commenting on the findings of statistics derived from administrative data, *Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin*, the Chief Statistician of Malaysia, stated that the increase in median monthly wages denotes a better labour market landscape, in line with the growing economic expansion in the first quarter of 2024. The number of citizens in the formal sector also continued to show a year-on-year increase, with a growth of 1.5 per cent (an increase of 97.3 thousand) in March 2024.

Looking at the comparison by sex, male formal employees comprised 55.3 per cent (3.62 million persons) of the total formal employees in March 2024, received a median monthly wages of RM2,900. Meanwhile, female formal employees, who made up 44.7 per cent (2.92 million persons) of the total formal employees, earned a median monthly wages of RM2,800 in March 2024.

Additionally, *Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin* highlighted certain wages trends across age groups. Employees aged 45 to 49 years had the highest median monthly wages of RM3,818 in March 2024. This age group also had the highest median monthly wages in February 2024 (RM3,727) and January 2024 (RM4,000). Furthermore, all age groups except those below 20 years old experienced an increase in median monthly wages compared to the previous year. In March 2024, employees aged 65 years and above showed the highest year-on-year growth, while those below 20 years old received the lowest median monthly wages of RM1,500 since June 2022.

Delving into the statistics by economic activity also showed that all sectors recorded an increase in median monthly wages in all three months of the first quarter of 2024. The Mining & quarrying sector, which makes up only 0.6 per cent of all formal employees, recorded the highest year-on-year growth of 12.0 per cent in its median monthly wages,

reaching RM8,400 in March 2024. In contrast, the Agriculture sector, representing 1.9 per cent of formal employees, reported the lowest median monthly wages at RM2,000, showing a 5.3 per cent year-on-year increase during the same period.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "In March 2024, two states exceeded the national median monthly wages of RM2,844 with Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur registered the highest median monthly wages at RM4,256 and followed by Selangor at RM3,164. In contrast, during the same period, Kelantan, Perlis and Sabah recorded the lowest median monthly wages of RM1,645, RM1,682 and RM1,882 respectively."

In terms of wages distribution, the Chief Statistician Malaysia stated that 31.2 per cent of Malaysian's formal employees earned below RM2,000 in March 2024, marking a decrease of 3.6 percentage points from the 34.8 per cent recorded in March 2023. Additionally, the percentile analysis shows that the 10<sup>th</sup> percentile of Malaysian formal employees earned wages of RM1,500 or less. However, this group registered an increase of 1.2 per cent in monthly wages as compared to the same month in the previous year (March 2023: RM1,482). The wage ratio between the 90<sup>th</sup> and 10<sup>th</sup> percentiles indicates that the top 10 per cent of wage earners received seven times the earnings of the lowest 10 per cent.

Concluding his statement on today's release, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin said, "These statistics are based on administrative data sources obtained from relevant agencies, which focus on the citizens who work in the formal sector, notably in the private sector. Looking ahead, DOSM will continue to enhance the dissemination of employee wages statistics by integrating various administrative data to produce more comprehensive statistics for a deeper understanding of Malaysia's labour market dynamics."

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20<sup>th</sup> each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
26 JULY 2024**


### **Exhibit 1: Median Monthly Wages, January 2022 – March 2024**



### **Exhibit 2: Median Monthly Wages by Gender, January – March 2024**




### **Exhibit 3: Median Monthly Wages by Economic Activity, January – March 2024**



The highest median monthly wages in March 2024 was recorded in **Mining & quarrying sector (RM8,400)**, followed by Construction, Services, Manufacturing, and Agriculture.

**JANUARY   FEBRUARY   MARCH**


### **Exhibit 4: Median Monthly Wages by State, January – March 2024**



The highest median monthly wages in March 2024 was recorded in **W.P. Kuala Lumpur (RM4,256)** followed by Selangor and Pulau Pinang.

JANUARY FEBRUARY MARCH

### **Exhibit 5: Employee Wages Distribution by Wage Scale, March 2023 & March 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**26 JULY 2024**